

**KEDIDI LURIS LEHER**  
Rufous-necked/ Red-  
necked Stint

FAMILI: Scolopacidae  
NAMA SAINTIFIK: *Calidris ruficollis*

#### **CIRI-CIRI**

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa boleh dibezakan berdasarkan saiznya yang kecil, bahagian paruh yang lurus dan pendek serta bahagian atas badan yang berwarna kekelabuan dengan jalur-jalur gelap berbentuk sabit. Bahagian bawah badan berwarna putih. Pada bahagian sisi dada, kelihatan tompokan yang berwarna kelabu dan jalur-jalur gelap. Terdapat jalur pada bahagian atas kening yang berwarna putih manakala bahagian kaki berwarna hitam. Semasa musim membiak, bahagian pipi, sisi telinga, bahagian bawah rengkong dan bahagian tengah atas dada tidak berjalur dan berwarna merah hingga merah bata. Jalur pada bahagian atas kening berwarna putih hingga merah bata manakala bahagian muka serta sekitar bawah paruh berwarna putih. Pada bahagian tengah bahagian atas badan dan pangkal sayap, terdapat jalur-jalur yang berwarna hitam serta warna merah ke warna merah bata pada bahagian luar hujung bulu. Bahagian tertier dan bahagian atas pangkal sayap berwarna putih kekelabuan pada bahagian luar hujung bulu. Bahagian sisi dada (bawah bahagian yang berwarna kemerahan) selalunya berwarna putih dengan titik-titik gelap.

#### **SAIZ**

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 14-16 sm.

#### **MAKANAN**

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

#### **HABITAT**

Kolam air masin, beting pasir dan lumpur sungai yang besar serta tanah bench pedalaman, pada ketinggian sehingga ke 450 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Semasa terbang, ia mengeluarkan bunyi *kreep* atau *creek* yang halus. Kadangkala ia mengeluarkan bunyi *krep*, *kiep* atau *klyt*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah pada bulan Jun di mana sarang sarang dibina di kawasan lubang pada permukaan tanah yang dilitupi oleh daun-daun dan rumput kering. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4 biji.